# Hubungan Luar Negara

234-235 Tinjauan
235-239 Kerjasama Kewangan Antarabangsa
239-240 Hubungan Luar Negara dengan IMF
240-241 Liberalisasi Sektor Kewangan
241-244 Kerjasama Serantau
244-245 Kerjasama Dua Hala

# Hubungan Luar Negara

**TINJAUAN**

Berlatarbelakangkan persekitaran ekonomi global dan kewangan yang tidak menentu pada tahun 2002, perbincangan di peringkat antarabangsa tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan pemantauan, mengukuhkan sistem kewangan tempatan serta meningkatkan usaha menyusun semula struktur kewangan antarabangsa (IFA) ke arah pencegahan dan penyelesaian krisis. Kerjasama dalam langkah-langkah untuk menghalang aktiviti pengubahan wang haram telah mencapai kemajuan pada tahun 2002, termasuk usaha untuk membanteras pembiayaan aktiviti pengganas. Di peringkat serantau, kemajuan yang pesat telah dicapai dalam pelaksanaan Inisiatif Chiang Mai (CMI) dengan termeterainya beberapa Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala (BSA) tambahan di samping memperkukuh modul bagi proses pemantauan serantau. Di samping itu, kemajuan yang berterusan telah dicapai dalam usaha mempertingkatkan kerjasama di bidang teknikal dan pembangunan kapasiti di kalangan ekonomi serantau.

Perbincangan di peringkat antarabangsa ditumpukan kepada pembentukan mekanisme penstrukturan semula hutang kerajaan. Di peringkat serantau, pemantauan dan kerjasama dalam bidang kewangan bertambah baik. Satu pencapaian penting dalam kerjasama tersebut ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2002, hubungan luar negara Bank Negara Malaysia adalah berpandukan kepada dua pertimbangan utama. Penyertaan di mesyuarat antarabangsa, serantau dan dua hala bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan serantau serta mengenengahkan isu dan kebimbangan yang dianggap penting dari perspektif nasional dan serantau. Ini adalah untuk memastikan bahawa kepentingan pasaran ekonomi baru muncul seperti Malaysia diberikan pertimbangan yang sewajarnya.

Satu pencapaian penting dalam kerjasama ke arah **pembangunan kewangan Islam** ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI) di Kuala Lumpur pada bulan November 2002 sebagai badan yang menetapkan piawaian pengawalan dan penyeliaan bagi institusi kewangan Islam. LPKI akan memainkan peranan untuk menerajui perkembangan perbankan Islam sebagai salah satu komponen utama dalam sistem kewangan antarabangsa.

Usaha-usaha untuk membanteras **aktiviti pengubahan wang haram** dalam sistem kewangan sedunia bertambah pesat pada tahun 2002. Malaysia berkongsi pengalamannya dalam menubuhkan rangka kerja institusi dan perundangan yang menyeluruh untuk memerangi pengubahan wang haram. *Asia-Pacific Group on Money Laundering (APG)* telah menjalankan penilaian ke atas program pencegahan pengubahan wang haram Malaysia dan, dalam laporannya, memuji Malaysia atas pencapaian yang ketara dalam pembentukan program pencegahan pengubahan wang haram yang sesuai. Laporan *APG* menunjukkan pengiktirafan terhadap usaha-usaha Malaysia dan kemajuan yang telah dicapai. Pada tahun 2002, Malaysia juga telah mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat antarabangsa mengenai langkah-langkah untuk memerangi pembiayaan aktiviti keganasan.

Dalam bidang **penyusunan semula IFA**, terdapat sedikit sebanyak kemajuan dalam membangunkan mekanisme untuk membantu penstrukturan semula hutang kerajaan dengan lebih teratur bagi menyelesaikan krisis. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menggunakan pendekatan dua peringkat dalam menangani isu pelaksanaan yang tertangguh melalui pengenalan kepada klausa tindakan bersama serta mekanisme penyusunan semula hutang kerajaan. Langkah pembaharuan turut diperkenalkan di IMF dengan pelaksanaan garis panduan baru untuk mengukuhkan hak milik negara dan memudahkan syarat-syarat IMF terhadap program pengubahsuaian. Walau bagaimanapun, penyusunan semula ke atas aspek yang lebih penting masih terbatas. Desakan yang dibuat oleh kelompok ekonomi baru muncul dan membangun untuk mempunyai perwakilan yang lebih besar dalam proses membuat keputusan di IMF telah terhalang ekoran Mesyuarat ke-12 Kumpulan Penilaian

Mengenai Kuota tidak mencapai kata persetujuan yang mencukupi. Usaha penyusunan semula untuk meningkatkan kestabilan dan kecekapan dalam pasaran kewangan global juga terbatas.

Kerjasama kewangan serantau telah mencapai kemajuan pesat pada tahun 2002, terutamanya dalam konteks Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)[1] dan ASEAN+3[2]. Proses **pemantauan serantau**, yang dilaksanakan di bawah CMI, telah membantu dalam memahami isu-isu kebimbangan semasa, termasuk risiko kelembapan global, deflasi harga, pengurusan aliran modal, liberalisasi akaun modal dan kestabilan kadar pertukaran. Langkah-langkah untuk menggalakkan pemantauan serantau dalam ASEAN+3 terus mencapai kemajuan, termasuk mengadakan kajian ke atas modul untuk mempertingkatkan keberkesanan proses pemantauan.

Kerjasama kewangan serantau bertambah kukuh pada tahun 2002, dengan berlangsungnya Mesyuarat Gabenor Bank-bank Pusat ASEAN. Kemajuan yang pesat turut dicapai dalam pelaksanaan Inisiatif Chiang Mai (CMI).

Satu lagi perkembangan penting dalam proses pemantauan ASEAN adalah dengan berlangsungnya Mesyuarat Gabenor Bank-bank Pusat ASEAN buat julung kalinya di Yogyakarta pada bulan Julai 2002. Usaha-usaha ini melengkapkan kerja pemantauan yang dijalankan di peringkat antarabangsa dan serantau yang lain, termasuk oleh IMF, *Bank for International Settlements (BIS),* Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN)[3], Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)[4] dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)[5].

Inisiatif dalam **pembangunan kapasiti dan latihan** terus kekal sebagai bidang yang penting dalam kerjasama serantau. Sehubungan dengan ini, Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN terus menjadi institusi utama dalam menjalankan penyelidikan dan program latihan berkaitan dengan polisi kewangan dan monetari, operasi perbankan pusat dan penyeliaan perbankan. Usaha untuk pembangunan kapasiti juga terus diperkukuhkan dalam persidangan-persidangan lain, termasuk ASEM, Kumpulan Asia Tenggara, New Zealand dan Australia (SEANZA)[6] dan Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP)[7]. Inisiatif-inisiatif tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan pembentukan kemahiran bank pusat supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan menghadapi cabaran-cabaran baru yang dibawa oleh perubahan dalam persekitaran ekonomi dan kewangan.

Sepanjang tahun 2002, Bank Negara Malaysia juga memainkan peranan sebagai salah sebuah agensi utama dalam kumpulan perunding Malaysia di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO). Malaysia terus komited untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan kewangan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan. Dalam bidang kerjasama dua hala, Bank Negara Malaysia terus menggalakkan perjanjian Peraturan Pembayaran Dua Hala sebagai mekanisme untuk mempertingkatkan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional serta memajukan Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

## KERJASAMA KEWANGAN ANTARABANGSA

### Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam

Satu peristiwa penting dalam kerjasama kewangan di peringkat antarabangsa adalah dengan tertubuhnya **Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (LPKI)** di Kuala Lumpur pada bulan November 2002. Penubuhan Bank Pembangunan Islam pada tahun 1975 dan Organisasi Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam pada tahun 1990 serta LPKI pada tahun 2002, menyediakan asas bagi menggalakkan perkembangan sistem kewangan Islam yang teguh dan stabil dan kesepaduannya merupakan satu komponen yang berdaya maju dalam sistem kewangan antarabangsa. LPKI akan berperanan sebagai satu persatuan yang merangkumi bank-bank pusat, pihak-pihak berkuasa kewangan dan institusi-institusi lain yang bertanggungjawab dalam penyeliaan dan pengawalan perkhidmatan kewangan Islam.

[1] Merujuk kepada Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Negeri Thai dan Vietnam.

[2] Terdiri daripada ASEAN, Republik Rakyat China, Jepun dan Korea.

[3] Merujuk kepada Bank-bank Pusat Asia Tenggara, yang terdiri daripada bank-bank pusat dari Indonesia, Korea, Malaysia, Mongolia, Myanmar, Nepal, Filipina, Singapura, Sri Lanka, China Taipei dan Negeri Thai.

[4] Merujuk kepada kumpulan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, yang terdiri daripada Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Republik Rakyat China, Hong Kong China, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Persekutuan Rusia, Singapura, China Taipei, Negeri Thai, Amerika Syarikat dan Vietnam.

[5] Merujuk kepada negara-negara anggota Mesyuarat Asia-Eropah, yang terdiri daripada Austria, Belgium, Brunei Darussalam, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Indonesia, Ireland, Itali, Jepun, Korea, Luxembourg, Malaysia, Belanda, Republik Rakyat China, Filipina, Portugal, Singapura, Sepanyol, Sweden, Negeri Thai, United Kingdom, Vietnam dan Suruhanjaya Eropah.

[6] Singkatan kepada Negara-negara Asia Tenggara, New Zealand dan Australia, yang terdiri daripada bank-bank pusat dari Australia, Bangladesh, Republik Rakyat China, Hong Kong China, India, Indonesia, Iran, Jepun, Korea, Macau China, Malaysia, Mongolia, Nepal, New Zealand, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka dan Negeri Thai.

[7] Merujuk kepada Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik, yang terdiri daripada bank-bank pusat dari Australia, Republik Rakyat China, Hong Kong China, Indonesia, Jepun, Korea, Malaysia, New Zealand, Filipina, Singapura dan Negeri Thai.

LPKI berfungsi untuk membangun dan menyebarkan piawaian dan peraturan-peraturan yang diterima pakai oleh masyarakat sedunia, menentu dan menyebarkan piawaian dan prinsip-prinsip utama pengawalseliaan, di samping pemakaian piawaian antarabangsa yang sedia ada bagi penyeliaan dan pengawalan industri kewangan Islam selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Pemakaian piawaian dan peraturan-peraturan tersebut oleh negara-negara anggota adalah secara sukarela. LPKI juga akan bekerjasama dengan badan penetapan piawaian lain dalam meningkatkan kestabilan monetari dan kewangan. LPKI berhasrat untuk menggalakkan amalan-amalan terbaik dalam perkhidmatan kewangan Islam dengan menyediakan bantuan teknikal, penyelidikan dan latihan. Sembilan ahli yang mengasaskan LPKI adalah terdiri daripada *Bahrain Monetary Agency*, Bank Indonesia, Bank Markazi Jomhouri Islami Iran, *Central Bank of Kuwait,* Bank Negara Malaysia, *State Bank of Pakistan, Saudi Arabian Monetary Agency, Bank of Sudan* dan Bank Pembangunan Islam. Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi negara tuan rumah LPKI di Kuala Lumpur. LPKI telah memulakan operasi pada awal tahun 2003 melalui pejabatnya di Bank Negara Malaysia. Bangunan pejabat tetap LPKI yang baru masih di peringkat perancangan dan dijangka siap pada tahun 2005.

Setiausaha Agung LPKI telah dilantik dan akan memulakan tugas pada awal tahun 2003 bagi jangka masa tiga tahun. LPKI akan diurus oleh Majlis LPKI yang melapor kepada ahli-ahli LPKI pada Perhimpunan Agung. Majlis tersebut dibantu oleh Sekretariat yang diketuai oleh Setiausaha Agung dan sebuah Jawatankuasa Teknikal.

**Pemantauan Serantau dan Pelbagai Hala**

Dalam keadaan ketidaktentuan yang meningkat dalam ekonomi global, **pemantauan serantau** menjadi semakin penting pada tahun 2002. Pemantauan serantau merupakan pelengkap yang penting kepada pemantauan oleh IMF melalui mekanisme perundingan Artikel IV. Memandangkan wujudnya ketidaktentuan global, pemantauan diperlukan di peringkat serantau dan juga antarabangsa. Di peringkat serantau, terdapat persetujuan di kalangan ASEAN dan ASEAN+3 supaya pemantauan serantau dipertingkatkan daripada amalan sekarang yang hanya mengenengahkan isu-isu yang membimbangkan. Pemantauan serantau dilaksanakan di kedua-dua ASEAN dan ASEAN+3 serta di mesyuarat serantau EMEAP dan SEACEN. Mesyuarat-mesyuarat ini memberi tumpuan kepada dasar makroekonomi dan struktur yang dilaksanakan oleh negara anggota. Forum tersebut turut memberi peluang untuk bertukar pendapat berkenaan isu-isu yang membimbangkan di peringkat kebangsaan serta serantau. Di samping itu, bagi membantu mengesan risiko-risiko dan cabaran-cabaran yang baru muncul di peringkat awal, pertukaran pendapat tentang inisiatif dasar berfungsi sebagai satu cara pemantauan antara anggota di kalangan ekonomi serantau. Tujuannya ialah untuk mengkaji semula dasar-dasar secara berterusan bagi meningkatkan ketahanan terhadap kejutan dari luar negara. Tumpuan juga diberi dalam meningkatkan kerjasama serta penyelarasan di kalangan ekonomi serantau untuk menggalakkan pertumbuhan daripada sumber-sumber dalam negeri. Memandangkan pertumbuhan perdagangan serantau menyumbang kepada pengukuhan ekonomi pada tahun 2002, usaha untuk meneguhkan lagi penyusunan semula struktur dan inisiatif-inisiatif baru untuk meningkatkan sumber-sumber pertumbuhan serantau akan meningkatkan ketahanan untuk menghadapi ketidaktentuan global.

Satu perkara penting dalam perbincangan berkenaan **pemantauan pelbagai hala** pada tahun 2002 adalah penyelarasan dasar di kalangan negara-negara perindustrian utama. Jawatankuasa Monetari dan Kewangan Antarabangsa IMF menggesa negara-negara perindustrian utama untuk menerima pakai dasar-dasar yang menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan global. Negara-negara anggota digesa untuk mengelak daripada mengamalkan dasar-dasar yang mungkin membawa kesan buruk kepada ekonomi-ekonomi lain. Adalah diperakui bahawa asas kewangan dan makroekonomi di Asia, termasuk Malaysia, bertambah kukuh dan telah meningkatkan keupayaan untuk menangani cabaran-cabaran yang berpunca daripada persekitaran luar negara yang kurang baik.

**Isu-isu Pemantauan Terpilih**

Memandangkan tekanan deflasi telah mula muncul dalam persekitaran global, ekonomi serantau mengambil sikap berjaga-jaga dalam melaksanakan dasar pemulihan awalan untuk menangani sebarang kecenderungan deflasi terhadap ekonomi dalam negeri. Pembentukan petunjuk-petunjuk keadaan mudah terjejas dan keutuhan diberi keutamaan dalam mengukuhkan pemantauan. Terdapat juga pengawasan lebih rapi dan pertukaran maklumat mengenai aliran modal yang dianggap penting bagi pemantauan berhemat makro yang berkesan di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Pembentukan petunjuk-petunjuk yang bercirikan pandangan ke hadapan mengenai arah aliran

modal juga digunakan sebagai amaran awal kepada risiko-risiko dan keadaan mudah terjejas yang akan dihadapi.

Mengenai isu **pengurusan kadar pertukaran**, telah wujud kesepakatan antarabangsa bahawa tidak ada satu rejim kadar pertukaran yang sesuai untuk semua negara dalam semua keadaan. Pada umumnya, adalah dipersetujui bahawa kebolehtahanan sebarang kadar pertukaran adalah bergantung kepada asas yang kukuh serta dasar makroekonomi dan struktur yang teguh, berbanding dengan "penyelesaian dua penjuru" rejim kadar pertukaran tetap atau kadar pertukaran boleh ubah. Turut ditegaskan pada tahun tersebut adalah mengenai pentingnya kestabilan mata wang utama serta mata wang utama serantau dalam mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan serantau.

Oktober 2002, yang menerangkan mengenai perubahan dalam corak aliran modal ke Malaysia, prinsip-prinsip kawalan pertukaran asing di Malaysia dan strategi pencegahan krisis.

Kerja-kerja pengawasan aliran modal di kalangan negara-negara SEACEN juga mencapai kemajuan pada tahun 2002 dengan pertukaran maklumat secara tetap melalui templat data yang seragam. Proses ini dipertingkatkan lagi pada tahun 2002 dengan memperkenalkan sistem penilaian tetap bagi maklumat tersebut. Pada bulan November, perkongsian data diperluaskan kepada perbincangan melalui sidang mengenai perkembangan aliran modal di rantau ini dan risiko-risiko yang akan muncul. Sepanjang tahun 2002, fokus forum antarabangsa turut tertumpu kepada usaha untuk mengukuhkan **kestabilan dan keutuhan sistem kewangan**

## Pemantauan pelbagai hala memerlukan penyelarasan yang lebih meluas di kalangan negara-negara utama untuk menggalakkan pertumbuhan dan kestabilan.

Perbincangan di peringkat antarabangsa berkenaan **institusi berleveraj tinggi** mengambil maklum bahawa walaupun aktiviti dana lindung nilai telah berkembang beberapa tahun kebelakangan ini, saiz dan leveraj purata dana lindung nilai telah menurun, sementara ketelusan serta pengawasan menyeluruh telah meningkat. Namun begitu, pemantauan berterusan terhadap aktiviti-aktiviti dana lindung nilai adalah penting untuk mengekalkan kestabilan kewangan.

Isu berkaitan dengan **liberalisasi akaun modal secara berperingkat** yang sesuai begitu mendapat tumpuan di forum antarabangsa dan serantau pada tahun 2002. Bank Negara Malaysia telah mengambil bahagian dalam satu seminar yang dianjurkan bersama oleh BIS dan Pentadbiran Negeri bagi Pertukaran Asing Republik Rakyat China, di Beijing pada bulan September 2002. Malaysia telah membentangkan kertas kerja mengenai pengalamannya dalam pengurusan aliran ekuiti semenjak krisis Asia di seminar tersebut, dengan menekankan bahawa walaupun kawalan modal telah membantu dalam penyusunan semula, namun ia bukanlah merupakan pengganti kepada dasar yang utuh. Kawalan tersebut dilaksanakan untuk mencapai beberapa objektif yang tertentu. Pelaksanaan kawalan yang fleksibel dan pragmatik adalah penting untuk menentukan kejayaannya. Pengalaman Malaysia turut dibentangkan di Seminar Peringkat Tinggi ASEAN+3 dalam Pengurusan Aliran Modal Jangka Pendek dan Liberalisasi Akaun Modal di Beijing pada bulan

**tempatan**. Ini adalah kerana kesedaran terhadap kepentingan peranan sistem kewangan yang kukuh dan teguh dalam pencegahan krisis dan untuk menyokong pertumbuhan yang mapan. Usaha-usaha penyusunan semula di Asia yang dilaksanakan selepas krisis 1997 telah menghasilkan perubahan positif dan meletakkan sistem kewangan Asia di tahap yang lebih kukuh untuk menghadapi suasana ketidaktentuan global pada tahun 2003.

**Penyusunan dan penstrukturan semula sektor kewangan** terus menjadi agenda utama dalam proses pemantauan antarabangsa dan serantau. Isu ini diberi keutamaan dalam Mesyuarat Gabenor-gabenor EMEAP yang dianjurkan oleh Bank Negara Malaysia di Kuala Lumpur pada bulan Julai 2002. Antara isu yang dibincangkan di beberapa forum serantau adalah berkenaan dengan pematuhan terhadap 12 Piawaian Utama dan Kod untuk Menguatkan Sistem Kewangan Tempatan yang disarankan oleh Forum Kestabilan Kewangan, dan kebimbangan berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Modal Basel II bagi ekonomi-ekonomi di rantau ini. Isu-isu ini dibincangkan dalam dialog di antara Kumpulan Kerja EMEAP mengenai Penyeliaan Perbankan dan pegawai-pegawai kanan dari Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan (BCBS) di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2002. Satu keputusan penting hasil perbincangan tersebut adalah persetujuan am oleh BCBS untuk memastikan fleksibiliti dalam pelaksanaan Basel II dan untuk

mengkaji semula isu-isu tertentu berkaitan dengan pengiktirafan cagaran, cara-cara mengendali pinjaman industri kecil dan sederhana dan risiko operasi.

Di samping perbincangan berkenaan pemantauan pelbagai hala dan pengukuhan sistem kewangan tempatan, **penyusunan semula Struktur Kewangan Antarabangsa (IFA)** merupakan satu lagi isu penting dalam agenda mesyuarat antarabangsa pada tahun 2002. Terdapat beberapa kemajuan yang diperoleh dalam usaha menggalakkan pencegahan krisis dan penglibatan sektor swasta dalam penyelesaian krisis. Namun begitu, pencapaian masih terhad kepada penyusunan semula dalam perkara-perkara yang merupakan teras IFA, terutamanya dalam isu urus tadbir global dan akauntabiliti.

Isu struktur kewangan antarabangsa pada tahun 2002 kebanyakannya tertumpu kepada usaha-usaha **pencegahan krisis** dan memperkukuhkan pemantauan pelbagai hala. Khususnya, langkah-langkah yang berkaitan dengan Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP) dan Laporan Pematuhan Piawaian dan Kod, dan peningkatan integrasinya ke dalam proses pemantauan secara keseluruhan oleh IMF. Sebanyak 44 buah negara telah menyempurnakan proses pemantauan FSAP pada akhir tahun 2002. Sementara itu, 51 buah negara lagi telah menyatakan komitmen untuk mengambil bahagian dalam proses FSAP sebagai sebahagian daripada proses pemantauan IMF, yang mana 21 daripadanya sedang dijalankan.

## Penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa tertumpu pada usaha pencegahan dan penyelesaian krisis. Pencapaian masih terhad pada isu urus tadbir.

**INISIATIF PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA (PSI)**

**April 2002:**

- Perbendaharaan A.S. mencadangkan satu pendekatan yang bukan bersepadu dan berorientasikan pasaran, melalui penggunaan klausa tindakan kolektif (CAC), dalam penstrukturan semula hutang negara.
- IMF memperbaharui rangka kerja asalnya yang dibentangkan pada bulan November 2001, dengan mengenal pasti syarat penstrukturan majoriti sebagai ciri utama. Peraturan yang berasingan untuk mengesahkan tuntutan si piutang, resolusi bercanggah dan undian penyeliaan adalah perlu untuk membolehkan ciri-ciri ini digunakan. Dengan yang demikian, pendekatan berkanun yang dicapai melalui keperluan perjanjian universal yang boleh dibentuk melalui pindaan dalam Artikel Perjanjian IMF adalah wajar.
- Kumpulan Tujuh menerima pakai Pelan Bertindak yang bersepadu untuk mempertingkatkan keupayaan meramalkan tindakan dasar rasmi bagi pasaran baru muncul. Pelan Bertindak ini menyokong penggunaan CAC serta pendekatan berkanun IMF terhadap penstrukturan semula hutang negara memandangkan kedua-duanya dianggap saling melengkapi dan saling mengukuhkan.
- Dalam pelan bertindak untuk mengukuhkan pembiayaan pasaran baru muncul, Institut Kewangan Antarabangsa mencadangkan penubuhan Kumpulan Perunding Sektor Swasta bagi menyediakan satu mekanisme merangka dialog mengenai kes-kes krisis individu dalam usaha mengekalkan keyakinan para pelabur dan sekiranya perlu, membantu pelaksanaan penstrukturan semula secara teratur.

**Jun 2002:**

- IMF memperkenalkan pendekatan dua cara, dengan menggabungkan penggunaan CAC dan pendekatan berkanun melalui satu keperluan perjanjian, yang boleh dicapai dengan membuat pindaan di dalam Artikel Perjanjian IMF, bagi membentuk satu mekanisme penstrukturan semula hutang negara. Tambahan lagi, penubuhan sebuah forum penyelesaian percanggahan yang eksklusif, yang tidak mempunyai perkaitan dengan IMF, akan dibentuk untuk menyelesaikan percanggahan di antara si piutang dengan si peminjam secara adil.
- Ketua enam buah kumpulan institusi kewangan swasta telah mengeluarkan satu set prinsip-prinsip umum bagi pengurusan krisis di pasaran baru muncul, yang melibatkan penggunaan lebih banyak CAC di dalam kontrak hutang negara.

**September 2002:**

- Kumpulan Kerja Kumpulan Sepuluh mengenai Klausa Berkontrak telah bersidang untuk mendokumentasikan kontrak hutang negara.

Pada tahun 2002, banyak kemajuan yang dicapai dalam penyusunan semula IFA untuk menggalakkan **penglibatan sektor swasta (PSI) dalam penyelesaian krisis**. Cadangan awal Amerika Syarikat pada bulan April untuk menggunakan pendekatan "berorientasikan pasaran" dalam menstruktur semula hutang negara melalui penggunaan klausa tindakan kolektif (CAC) telah dilengkapi oleh satu pelan IMF melalui pendekatan berkanun mengenai mekanisme penstrukturan semula hutang negara (SDRM). Usaha-usaha mengenai PSI dianggap penting bagi membentuk satu rangka kerja yang lebih tersusun dan boleh dijangkakan dalam menstruktur semula hutang negara. Walaupun terdapat banyak isu, termasuk isu perundangan dan politik, yang perlu diselesaikan, masyarakat antarabangsa telah bersetuju untuk mengambil pendekatan "dua cara" dengan tumpuan diberikan bagi menyelesaikan isu-isu pelaksanaan CAC dan SDRM.

Garis panduan baru mengenai **syarat-syarat IMF** telah diperkenalkan pada bulan September 2002 sebagai sebahagian daripada penyusunan semula IMF. Ini bertujuan untuk menyelaraskan syarat-syarat IMF bagi menggalakkan pemilikan negara yang lebih baik, serta mempertingkatkan keberkesanan dan kejayaan program IMF. Garis panduan baru ini menekankan keperluan untuk mempertingkatkan penyusunan semula pemilikan negara; menumpukan syarat kepada hal-hal yang kritikal bagi mencapai objektif makroekonomi sesebuah program; mengambil kira suasana tertentu bagi negara; dan membuat pengagihan liputan yang lebih jelas di antara institusi kewangan antarabangsa.

Walau bagaimanapun, tidak banyak kemajuan diperoleh dalam menangani isu urus tadbir IMF. Tiada kata sepakat dicapai untuk meminda **kuota IMF** semasa Kajian Semula Am ke 12 mengenai Kuota yang berakhir pada bulan Januari 2003. Lembaga Eksekutif IMF dijangka meneruskan perbincangan mengenai perkara ini dalam Kajian Semula Am ke 13 mengenai Kuota. Kajian semula yang lebih mendalam mengenai keperluan meminda kuota IMF perlu dibuat untuk memastikan IMF mempunyai sumber yang mencukupi. Kuota IMF juga perlu diselaraskan untuk mencerminkan perkembangan terkini dalam ekonomi global, di samping menyokong struktur undian yang lebih seimbang di IMF.

**HUBUNGAN LUAR NEGARA DENGAN IMF**

Semasa perbincangan tahunan pemantauan dua hala dengan Malaysia pada tahun 2002, IMF mengakui bahawa strategi dasar makroekonomi Malaysia telah membantu negara menangani kesan kemelesetan global dan membentuk asas bagi perkembangan ekonomi yang positif. IMF mengalu-alukan pelan pengukuhan fiskal Malaysia, pembentukan rangka kerja monetari yang lebih berorientasikan pasaran, pelaksanaan penuh Pelan Induk Sektor Kewangan, penyusunan semula sektor perbankan dan korporat, serta pencegahan pengubahan wang haram dan langkah-langkah memerangi pembiayaan kewangan untuk pengganas. Mengenai isu kadar pertukaran, IMF mengakui bahawa kadar pertukaran tetap ringgit berada di tahap yang sesuai dengan disokong oleh asas yang kukuh dan menjadi tunjang kestabilan. Ramai Ahli Lembaga Pengarah menyokong langkah mengekalkan dasar semasa dengan kadar pertukaran tetap sebagai tunggak kestabilan. Malaysia mengambil perhatian akan beberapa pandangan yang berbeza oleh IMF yang berpendapat bahawa kadar pertukaran perlu lebih fleksibel. Walaupun demikian, Malaysia menekankan bahawa kadar pertukaran tetap telah membantu kejayaan negara serta disokong oleh asas yang kukuh.

Bagi Malaysia, pemantauan oleh IMF dilaksanakan melalui proses perundingan Artikel IV. Sepasukan anggota IMF juga telah melawat Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan untuk menilai sejauh mana peraturan mengenai pengawalan dan penyeliaan di sektor kewangan luar pesisir Labuan mematuhi piawaian yang diterima pakai di peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan bahawa Malaysia mempunyai asas ekonomi serta kedudukan imbangan pembayaran

IMF mengakui keberkesanan dasar makroekonomi Malaysia yang telah membantu negara menangani kesan kemelesetan global dan membentuk asas bagi perkembangan ekonomi yang positif. IMF telah memasukkan Malaysia ke dalam Pelan Transaksi Kewangan IMF.

**Jangka Masa Rundingan WTO Mengenai Perdagangan Perkhidmatan**




yang kukuh terbukti apabila **Malaysia dimasukkan ke dalam Pelan Transaksi Kewangan (FTP)** bagi tempoh September - November 2002 dan Disember 2002 - Februari 2003. Di bawah FTP, negara-negara anggota IMF terpilih yang mempunyai imbangan pembayaran dan kedudukan rizab yang kukuh akan diminta untuk menyediakan sumber pertukaran asing bagi menyokong urusan kewangan IMF. Kemasukan Malaysia ke dalam FTP adalah berdasarkan kepada penilaian IMF mengenai ramalan ekonomi Malaysia yang positif, serta keyakinan bahawa kedudukan kewangan Malaysia adalah kukuh untuk diminta menyokong urusan kewangan IMF.

Sebagai memenuhi permintaan IMF, pegawai-pegawai Bank Negara Malaysia telah menyertai misi IMF ke Mesir dan Zambia untuk membantu FSAP, khususnya dalam bidang penyeliaan perbankan dan juga perbankan Islam.

## LIBERALISASI SEKTOR KEWANGAN

**Pertubuhan Perdagangan Sedunia**

**Rundingan untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan**, termasuk sektor perkhidmatan kewangan, terus dijalankan di **WTO**. Rundingan tersebut telah dilancarkan secara rasmi pada 25 Februari 2000 dan terus menjadi sebahagian daripada Agenda Pembangunan Doha[8] dengan pelancaran pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala di Persidangan Menteri WTO yang Keempat di Doha, Qatar, pada 9-14 November 2001. Menjelang akhir bulan Mac 2003, rundingan sektor perkhidmatan akan menamatkan dua tahun peringkat "permohonan dan tawaran" semenjak dimulakan pada 28 Mac 2001. Rundingan ini adalah berdasarkan permohonan yang dibuat oleh negara anggota kepada rakan dagangannya, dan tawaran yang diberikan oleh rakan dagangan tersebut.

Penyertaan asing dalam sektor perkhidmatan kewangan telah diperluaskan untuk merangkumi penyertaan melalui perikatan strategik dengan entiti tempatan.

Bank Negara Malaysia terus terlibat sebagai agensi utama dalam pasukan rundingan WTO Malaysia pada tahun 2002. Tahun tersebut menyaksikan Malaysia menerima jumlah permohonan yang banyak daripada rakan-rakan dagangannya bagi pembukaan pasaran dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan kewangan. Buat pertama kalinya, Malaysia telah mengemukakan permohonan kepada beberapa rakan perdagangan untuk meliberalisasikan lagi

[8] Sila rujuk Laporan Tahunan 2001 Bank Negara Malaysia untuk maklumat lanjut berkenaan Agenda Pembangunan Doha.

sektor perkhidmatan mereka, termasuk dalam bidang perkhidmatan kewangan.

Penyertaan asing pada lazimnya adalah tinggi dalam sektor kewangan dalam negeri Malaysia. Komitmen Malaysia terhadap liberalisasi di bawah Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) terus mencerminkan dasar semasa mengenai penyertaan asing. Di sektor perbankan, komitmen untuk penyertaan asing dikekalkan pada had agregat maksimum sebanyak 30% daripada jumlah ekuiti dalam institusi perbankan tempatan. Di sektor insurans, pemegang saham asing yang sedia ada dibenarkan untuk meningkatkan pegangan mereka, tertakluk kepada had maksimum 51% ekuiti syarikat insurans berkenaan. Kemasukan baru syarikat insurans asing juga dibenarkan melalui penyertaan sehingga 30% daripada jumlah ekuiti dalam syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

Dasar meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan telah menyumbang kepada kehadiran pembekal perkhidmatan asing yang tinggi dalam sektor kewangan Malaysia. Selaras dengan komitmen di WTO, 13 buah bank milik penuh rakyat asing terus beroperasi di Malaysia. Di samping itu, secara purata, rakyat asing memiliki sebanyak 23% daripada jumlah ekuiti empat buah bank milik tempatan pada akhir tahun 2002. Secara keseluruhannya, rakyat asing menguasai kira-kira 33% daripada jumlah aset bank perdagangan. Di sektor insurans, daripada sejumlah 54 syarikat insurans, 23 syarikat insurans dimiliki secara majoriti oleh rakyat asing. Penguasaan pasaran oleh rakyat asing dalam industri insurans kekal tinggi dengan mencakup sebanyak 77% daripada premium insurans hayat dan 40% daripada premium insurans am. Selain daripada penyertaan ekuiti, penyertaan asing juga terdapat dalam bentuk yang lain, seperti melalui perikatan strategik bersama entiti tempatan. Di sektor insurans, terdapat 10 peraturan bankasurans yang melibatkan bank milik asing yang diperbadankan di Malaysia, dengan sembilan daripadanya ditubuhkan bersama syarikat insurans milik tempatan. Perbincangan mengenai perikatan strategik di sektor perbankan sedang berjalan.

**Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan**

"Protokol untuk Melaksanakan Pakej Kedua Komitmen Perkhidmatan Kewangan" telah ditandatangani oleh Menteri Kewangan ASEAN di mesyuarat mereka pada 5-6 April 2002, setelah tamatnya rundingan perkhidmatan kewangan pusingan kedua di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS). Ini menandakan kejayaan **pelaksanaan komitmen GATS-plus ahli ASEAN** terhadap perkhidmatan kewangan (iaitu, langkah liberalisasi melebihi komitmen yang dibuat di bawah GATS). Seperti pusingan pertama rundingan di bawah AFAS, yang tamat pada tahun 1998, Malaysia telah menyatakan komitmennya dalam bidang penggajian ekspatriat.

Pusingan ketiga rundingan sektor perkhidmatan kewangan di bawah AFAS juga telah dilancarkan di Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN. Ia bermula pada tahun 2002 dan dijangka tamat pada tahun 2004. Rundingan untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan kewangan di kalangan negara ASEAN akan dilaksanakan oleh "Jawatankuasa Kerja mengenai Liberalisasi Kewangan ASEAN di bawah AFAS".

**KERJASAMA SERANTAU**

Pada tahun 2002, APEC, ASEM, Kumpulan Lapan (D-8)[9], SEANZA dan EMEAP meneruskan perbincangan mereka mengenai dasar. Usaha-usaha kerjasama ini telah memberi peluang kepada penggubal dasar serantau untuk bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan teknikal dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan dan kestabilan sektor kewangan. Bidang-bidang tersebut merangkumi pembangunan sistem pembayaran, memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti pengganas, disiplin pasaran kewangan serta insurans konvensional dan Islam.

Dalam perbincangan di peringkat ASEAN dan ASEAN+3, tumpuan telah ditujukan ke arah mempertingkatkan **pemantauan ekonomi dan kewangan serantau** berikutan meningkatnya risiko dan ketidaktentuan dalam persekitaran global. Isu-isu pemantauan termasuklah pengurusan makroekonomi bagi ekonomi serantau, liberalisasi, penurunan harga sedunia dan kestabilan kewangan. Proses pemantauan serantau adalah penting untuk mengenal pasti isu-isu berbangkit dan masalah yang bakal muncul bagi membolehkan ekonomi serantau mengambil tindakan pembetulan segera di peringkat negara dan secara bersama di peringkat serantau. Perbincangan tersebut telah meningkatkan kesedaran di kalangan ekonomi serantau mengenai keperluan untuk mengamalkan sikap berhati-hati dalam mengukuhkan kerjasama kewangan serantau.

[9] Merujuk kepada Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.

Sehubungan dengan itu, **Timbalan Kewangan dan Bank Pusat ASEAN+3** telah bersetuju untuk memberi lebih perhatian terhadap isu-isu pemantauan serantau. Bagi tujuan ini, mesyuarat tambahan akan diadakan pada separuh tahun kedua setiap tahun untuk menumpukan perbincangan mengenai penilaian antara anggota dan isu-isu berhubung dasar. Ini adalah selaras dengan cadangan "Kumpulan Kerja ASEAN+3 untuk Mengkaji Langkah-langkah bagi Mempertingkatkan Keberkesanan Ulasan Ekonomi dan Perbincangan Dasar" yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kewangan, Jepun dan Bank Negara Malaysia. Di samping itu, Timbalan Kewangan dan Bank Pusat juga mengadakan perbincangan mengenai modul yang dijangka dapat diterimapakai untuk mempertingkatkan lagi pemantauan serantau dan proses penilaian antara anggota.

Kewangan ASEAN yang diadakan di Manila pada bulan April 2003.

Sejajar dengan proses pemantauan, negara-negara anggota **ASEAN+3** telah mencapai kemajuan dalam memperluaskan rangkaian CMI pada tahun 2002. Selaras dengan objektif CMI untuk menyediakan bantuan kewangan jangka pendek yang bertepatan pada masanya kepada negara-negara anggota yang mengalami masalah mudah tunai sementara, Bank Negara Malaysia telah menandatangani Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala (BSA) bernilai AS$1 bilion dengan *Bank of Korea* pada 26 Julai 2002 dan AS$1.5 bilion dengan *People's Bank of China* pada 9 Oktober 2002. Pada akhir bulan Februari 2003, negara-negara ASEAN+3 sebagai satu kumpulan, telah menubuhkan rangkaian 12 BSA dengan nilai keseluruhan berjumlah AS$31.5 bilion, yang boleh digunakan oleh negara-negara anggota sekiranya diperlukan.

## Rangkaian Peraturan Swap Dua Hala (BSA) di bawah CMI telah diperluaskan lagi dengan termeterainya 12 BSA bernilai AS$31.5 bilion pada akhir bulan Februari 2003 dan boleh digunakan oleh negara-negara anggota ASEAN+3 sekiranya diperlukan.

Pada tahun 2002, Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN mengadakan mesyuarat buat julung kalinya di Yogyakarta pada 29 Julai 2002. Mesyuarat Gabenor-gabenor Bank Pusat ASEAN ini akan melengkapkan proses pemantauan yang dijalankan di bawah proses Menteri-menteri Kewangan ASEAN. Pada mesyuarat tersebut, Gabenor-gabenor telah membuat kesimpulan bahawa penekanan yang lebih harus diberikan ke atas kajian semula proses penyeliaan sistem kewangan serta penyelarasan dan kerjasama merentasi sempadan yang lebih rapi di kalangan para penyelia.

Pada Persidangan ke-10 Bank Pusat ASEAN (ACBF) yang telah diadakan di Yangon, Myanmar pada 21 Oktober 2002, Bank Negara Malaysia, sebagai Pengerusi kepada Pasukan Petugas Mata Wang dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN, telah memberi taklimat kepada Timbalan ACBF mengenai rumusan dan cadangan Pasukan Petugas berkenaan dengan kesesuaian, prasyarat dan peraturan institusi yang diperlukan dalam menerimapakai peraturan mata wang tunggal. Laporan tersebut menyediakan penilaian yang menyeluruh terhadap kos dan faedah serta kesesuaian ASEAN untuk mempunyai mata wang tunggal, serta prasyarat dan tahap integrasi serantau yang diperlukan ke arah mencapai matlamat mata wang tunggal. Laporan ini telah diterima dengan baik oleh ACBF, dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Menteri-menteri

**Kerjasama dalam pembangunan kapasiti dan latihan** terus menjadi isu yang dibincangkan di persidangan serantau pada tahun 2002. Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN, sebuah institusi latihan ulung di rantau ini, terus menyediakan latihan khusus mengenai aspek-aspek dasar dan operasi bank-bank pusat, khususnya mengenai penyeliaan perbankan. Pada tahun 2002, sasaran bidang latihan SEACEN adalah dalam bidang yang berkaitan dengan cabaran-cabaran semasa yang dihadapi oleh bank-bank pusat, seperti pengurusan risiko kredit dan keperluan modal Basel II. Program-program yang dikendalikan oleh SEACEN telah membolehkan lebih ramai kakitangan bank-bank pusat melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menangani cabaran-cabaran yang dibawa oleh arus inovasi dan liberalisasi sektor kewangan dengan lebih baik. SEACEN juga turut bekerjasama dengan Bank Pembangunan Asia (ADB) untuk melaksanakan inisiatif APEC dengan menyediakan program latihan mengenai penyeliaan perbankan untuk negara-negara anggota APEC. Dalam hal ini, Malaysia telah menganjurkan Seminar Ketiga *"SEACEN/Fed/World Bank/APEC"* untuk Penyelia-penyelia Kanan Bank dari kumpulan ekonomi Asia Pasifik, dan Persidangan Keempat *"SEACEN/World Bank/APEC"* untuk Pengarah-pengarah Penyeliaan.

**Perjanjian Peraturan Swap Dua Hala di bawah Inisiatif Chiang Mai**




Tarikh adalah merujuk kepada tarikh setiap perjanjian ditandatangani, manakala jumlah maksimum penggunaan bagi setiap perjanjian adalah di dalam kurungan. Saiz keseluruhan 12 perjanjian peraturan swap dua hala (BSA) berjumlah AS$31.5 bilion (berdasarkan peruntukan keseluruhan di bawah BSA tersebut, di mana jumlah maksimum penggunaan di bawah peraturan swap dua arah diganda dua untuk menggambarkan jumlah swap yang tersedia kepada kedua-dua pihak di bawah perjanjian yang berkenaan).

[1] Peraturan swap satu arah adalah di mana negara peminta dalam perjanjian tersebut boleh meminta negara pembekal swap supaya berurusan dengannya dalam transaksi swap

[2] Peraturan swap dua arah adalah di mana kedua-dua pihak boleh meminta pihak satu yang lain untuk saling berurusan dalam transaksi swap di bawah perjanjian tersebut

▣ Perjanjian yang telah ditandatangani di antara negara-negara ***"Plus Three"*** (Republik Rakyat China, Jepun dan Korea) dan negara ASEAN

■ Perjanjian yang telah ditandatangani di kalangan negara-negara ***"Plus Three"***

Nota: Penanda warna yang sepadan menunjukkan perjanjian yang telah ditandatangani di antara dua negara ***"Plus Three"*** yang sama

Bank Negara Malaysia terus mentadbir **Skim Biasiswa Tabung Amanah SEACEN** yang memberi peluang kepada pegawai-pegawai bank-bank pusat rantau ini yang layak untuk menyertai program-program latihan yang dikelolakan oleh Pusat SEACEN. Pada tahun 2002, Tabung Amanah SEACEN telah menganugerahkan 16 biasiswa kepada anggota SEACEN dan satu biasiswa kepada bank pusat pemerhati SEACEN.

Bank Negara Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Gabenor-gabenor EMEAP yang ketujuh di Kuala Lumpur pada 27 Julai 2002. Mesyuarat tersebut memberi peluang kepada Gabenor-gabenor EMEAP untuk mengkaji semula perkembangan ekonomi dan kewangan serantau serta global yang terkini. Para Gabenor mengambil maklum bahawa pertumbuhan di rantau EMEAP terus bertambah baik pada tahun 2002 serta terdapat potensi yang besar untuk mempertingkatkan lagi aliran dagangan dan pelaburan antara Asia. Para Gabenor juga bertukar pandangan dan pengalaman mengenai pelbagai modul yang diterima pakai oleh rantau EMEAP dalam penstrukturan dan penyusunan semula kewangan. Setelah menilai peranan EMEAP dalam persekitaran global yang berubah-ubah, para anggota mencapai kata sepakat bahawa EMEAP mempunyai peranan penting untuk membentuk kerjasama rapat dalam kegiatan perbankan pusat dan pengukuhan sistem kewangan serantau. Para Gabenor juga bertemu dengan Perdana Menteri Malaysia untuk bertukar-tukar pandangan mengenai isu kepentingan bersama ekonomi serantau.

Pada mesyuarat tersebut, para Gabenor EMEAP bersetuju mengenai perlunya kerjasama kewangan dipertingkatkan, terutamanya di dalam modul pusingan tabungan Asia untuk pembangunan Asia.

Para Gabenor EMEAP bersetuju untuk meningkatkan lagi kerjasama kewangan, manakala negara anggota ASEAN+3 memperluaskan rangkaian CMI pada tahun 2002. Kerjasama serantau dalam pembangunan kapasiti dan latihan turut diperluaskan. Isu mengenai langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram menjadi tajuk perbincangan utama di kebanyakan persidangan serantau.

**Penilaian oleh APG mengenai Program Pencegahan Pengubahan Wang Haram Malaysia**

Secara keseluruhannya, laporan tersebut adalah positif dan mengambil maklum mengenai kemajuan yang dicapai oleh Malaysia dalam mewujudkan program pencegahan pengubahan wang haram yang bersesuaian dalam tempoh masa yang agak singkat. Perkembangan penting yang telah menarik perhatian adalah:

- penubuhan Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram; dan
- penggubalan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 dan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan dalam memenuhi kebanyakan cadangan tersebut bagi memastikan keberkesanan usaha-usaha pencegahan pengubahan wang haram di peringkat kebangsaan.

Pasukan penilaian APG telah menilai program pencegahan pengubahan wang haram Malaysia pada 9-12 Julai 2001. Laporan penilaian yang dipersetujui bersama ini telah dibentangkan dan diterima pada Mesyuarat Tahunan ke-5 APG pada bulan Jun 2002. Proses penilaian ini dirangka dengan tujuan untuk menentukan bidang-bidang yang mematuhi piawai penanda aras, mengenalpasti kelemahan dan membuat cadangan-cadangan yang bersesuaian dengan tujuan untuk memperbetul dan memperbaiki, sekiranya perlu.

Tujuan utama APG adalah untuk memastikan bahawa piawaian antarabangsa mengenai pengubahan wang haram yang diterimapakai dilaksanakan dalam aspek perundangan, kewangan, dan penguatkuasaan undang-undang serta menjalankan penilaian bersama untuk menggalakkan ahli-ahli mematuhi piawaian berkenaan.

Para anggota EMEAP juga berbincang mengenai **isu dan potensi risiko keperluan modal Basel II** bagi ekonomi Asia, terutamanya ekonomi baru muncul. Kumpulan tersebut akan menyuarakan isu dan kebimbangan bersama sebagai tindak balas dari perspektif ekonomi baru muncul kepada Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan ke atas Perjanjian Modal Baru. Satu mesyuarat Kumpulan Kerja EMEAP mengenai Penyeliaan Perbankan telah diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2002 di antara para pengawalselia dan perwakilan daripada kelompok perbankan di rantau Asia Pasifik dengan Jawatankuasa Basel. Mesyuarat tersebut bersetuju supaya Bank Negara Malaysia membuat kajian mengenai tempoh masa yang diperlukan oleh negara-negara anggota EMEAP untuk melaksanakan keperluan modal baru Basel II.

Pada tahun 2002, isu berkaitan dengan **langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram** mendominasi agenda kebanyakan persidangan serantau, termasuklah Rangka Kerja Kumpulan Manila. Penumpuan dan skop liputan telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas akan perlunya langkah-langkah tersebut. Pada Forum Serantau ASEAN, Bank Negara Malaysia bagi pihak Malaysia, telah menjadi tuan rumah bersama dengan Amerika Syarikat dalam mengendalikan *"Workshop on Financial Measures against Terrorism"* di Honolulu, Hawaii, pada 24-26 Mac 2002. Bengkel tersebut telah membantu meningkatkan kesedaran terhadap langkah-langkah kewangan negara-negara anggota dan kesediaan untuk membendung aktiviti pengubahan wang haram. Malaysia juga berkongsi pengalamannya dalam melaksanakan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram di **Mesyuarat ASEM**. Langkah-langkah tersebut termasuklah penggubalan satu undang-undang yang menyeluruh mengenai pencegahan pengubahan wang haram, penubuhan Unit Perisikan Kewangan, dan peningkatan kerjasama di kalangan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang.

**KERJASAMA DUA HALA**

**Peraturan Pembayaran Dua Hala dan Peraturan Pembayaran dan Kredit Minyak Sawit**

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia untuk mempelbagaikan perdagangannya ke pasaran bukan tradisional, Bank Negara Malaysia

meneruskan usaha untuk menggalakkan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) di kalangan negara-negara membangun. Hasil daripada usaha tersebut, dua perjanjian BPA yang baru telah dimeterai pada tahun 2002, menjadikan sejumlah 23 perjanjian BPA telah ditandatangani semenjak diperkenalkan pada tahun 1988.

Urus niaga dagangan melalui BPA telah membantu meningkatkan tahap pemahaman mengenai amalan dan suasana perniagaan rakan-rakan dagangan. Pemahaman ini telah meningkatkan keyakinan untuk berniaga antara pengeksport dan pengimport serta bank-bank perdagangan di kedua-dua buah negara. Dengan itu, ia juga membantu pengendalian dagangan melalui kaedah biasa, iaitu di luar skop BPA.

Selain daripada perjanjian BPA, Bank Negara Malaysia telah menandatangani dua perjanjian baru di bawah Peraturan Pembayaran dan Kredit Minyak Sawit (POCPA) pada tahun 2002, menjadikan sejumlah 12 perjanjian telah dimeterai semenjak tahun 1992. POCPA merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Perusahaan Utama, untuk menggalakkan eksport minyak sawit dan hasil keluarannya kepada negara-negara membangun. Di bawah skim POCPA, negara-negara membangun berupaya mengimport minyak sawit Malaysia melalui bayaran tertangguh selama dua tahun.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif baru untuk mempelbagaikan kaedah penyelesaian perdagangan antarabangsa, Malaysia telah menjalankan satu kajian mengenai kemungkinan menggunakan emas sebagai perantara dalam menyelesaikan baki bersih kewangan yang timbul daripada urusan dagangan dua hala di antara Malaysia dan rakan dagangannya. Sistem penyelesaian menggunakan emas ini dijangka dapat membantu rakan dagangan untuk mengurangkan penggunaan rizab pertukaran asingnya.

**Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat Bank Negara Malaysia**

Pada tahun 2002, Bank Negara Malaysia meneruskan program bantuan teknikal sebagai sebahagian daripada usahanya untuk mengeratkan kerjasama di kalangan bank pusat dan pihak berkuasa kewangan.

Bagi mencapai hasrat ini, melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang diperkenalkan semenjak tahun 1980, Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan tempat kepada 14 pegawai dari 12 bank pusat untuk menyertai program pembelajaran tahunannya, iaitu Kursus Perbankan Pusat (CBC). CBC yang dilangsungkan untuk kali ke-21 pada tahun 2002 bertujuan untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan dan pemahaman mengenai pendekatan yang perlu diambil serta halangan yang dihadapi dalam usaha mencapai objektif-objektif utama bank pusat untuk mengekalkan kestabilan monetari, memelihara kestabilan kewangan dalam menghadapi liberalisasi dan pendalaman kewangan, dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mapan. Di sepanjang tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah menerima 68 delegasi dari luar negara yang mewakili bank pusat, agensi kerajaan dan organisasi swasta. Pada umumnya, perbincangan meliputi isu-isu tertentu yang menjurus kepada penstrukturan semula sektor perbankan dan korporat, pembangunan dan penyeliaan sistem biro kredit, serta perundangan bagi mencegah pengubahan wang haram. Bank Negara Malaysia juga memenuhi permintaan beberapa buah negara yang memerlukan bantuan teknikal dalam bidang perbankan, pembaharuan sektor korporat dan kewangan, dan strategi pengurusan hutang.

Selaras dengan usaha-usaha Malaysia untuk mengeratkan lagi kerjasama dan hubungan dua hala dengan rakan dagangannya, Bank Negara Malaysia turut mengambil bahagian dalam Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (JCM) Kerajaan dengan beberapa buah negara pada tahun 2002. Di sepanjang tahun 2002, Bank Negara Malaysia telah menyertai JCM dengan Cuba, India, Indonesia, Iran, Republik Kyrgyz, Sudan, Tunisia dan Vietnam. Isu-isu yang dibincangkan termasuklah kerjasama teknikal dalam bidang perbankan dan kewangan, hubungan ekonomi dan perdagangan, sains dan teknologi, pengangkutan dan telekomunikasi serta pelancongan.

## Bank Negara Malaysia telah menandatangani 2 perjanjian BPA dan 2 perjanjian POCPA yang baru pada tahun 2002. Pemeteraian perjanjian-perjanjian berkenaan akan memudah dan mengukuh dagangan dan hubungan perbankan dua hala.